

07 NOV 1999

Mahathir-CHOGM/EMBARGO

DR MAHATHIR HADIRI CHOGM DI AFRIKA SELATAN

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Durban, Afrika Selatan dari 12 hingga 15 Nov.

Dr Mahathir akan diiringi oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Wakil Khas Perdana Menteri ke Kumpulan Bertindak Menteri Komanwel mengenai Deklarasi Harare (CMAG) Tan Sri Musa Hitam.

Beliau juga akan diiringi oleh pegawai kanan dari Kementerian Luar, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Kewangan, menurut kenyataan Wisma Putra hari ini.

CHOGM diadakan setiap dua tahun dan mesyuarat terakhir diadakan pada 1997 di Edinburgh, Britain.

Tema khas CHOGM tahun ini ialah "People Centred Development: The Challenge of Globalisation".

CHOGM akan dirasmikan oleh Queen Elizabeth II dalam upacara pembukuan pada 12 Nov di Pusat Konvensyen Antarabangsa di Durban.

Dr Mahathir diberi penghormatan untuk berucap selepas Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki menyampaikan ucapan alu-aluan.

Pada 10 Nov, Dr Mahathir akan menyampaikan ucap-tama bertajuk "Making Globalization Work: Measures to Encourage Commonwealth Trade and Investments Flows" pada Forum Perniagaan Komanwel di Johannesburg.

Objektif forum ialah untuk mempromosikan amalan dan dasar bagu meningkatkan perdagangan dan pelaburan di kalangan negara anggota Komanwel dan ia akan dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif, pengusaha perniagaan dan ahli politik dari negara anggota.

Perentian tradisional telah diatur di sebuah kawasan peranginan di bandar George semasa hujung minggu dari 13 hingga 14 Nov untuk Ketua-ketua Kerajaan mengadakan perbincangan tidak formal tanpa kehadiran para pegawai.

Mesyuarat CHOGM akan didahului oleh Mesyuarat Jawatankuasa Keseluruhan (COW) yang akan dihadiri oleh Para Pegawai Kanan Komanwel pada 11 Nov.

Mesyuarat COW akan mengkaji isu-isu kerjasama, Agenda bagi Mesyuarat CHOGM Meeting dan menyiapkan butira lain mesyuarat.

Dua lagi mesyuarat akan diadakan sebelum mesyuarat CHOGM iaitu Mesyuarat Ketigabelas Kumpulan Bertindak Menteri Komanwel mengenai Deklarasi Harare (CMAG) dan Mesyuarat Keempat Kumpulan Menteri mengenai Negara-negara Kecil.

Kedua-dua mesyuarat akan diadakan pada 11 Nov.

Ketua-ketua Kerajaan Komanwel akan meluluskan pernyataan mengenai hasil CHOGM Durban pada akhir mesyuarat.

-- BERNAMA

RZS FAZ